

Headline **Program bantu ubah nasib bekas penagih**  
Date **21 Oct 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S10**  
Article Size **293 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,612**  
PRValue **4,835**



# Program bantu ubah nasib bekas penagih

Masyarakat harus sokong mereka kembali ke pangkal jalan


**DESA MENTARI** - Pelbagai program dianjurkan pelbagai jabatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memberi semangat kepada penghidap HIV/AIDS selain mengikis pandangan negatif masyarakat terhadap golongan berkenaan.

Program Kesedaran Rakyat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)-Agenzia Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Selangor diadakan buat julung kalinya baru-baru ini diharap dapat membuka mata dan minda masyarakat terhadap bekas penagih dadah.

Penganjur program, Abd Azhree Abdul Wahid berkata, program ini sekali gus memberi kesedaran terhadap masyarakat mengenai peranan yang boleh dilakukan untuk membantu bekas penagih dadah kembali ke pangkal jalan.

"Dalam program ini, ia sekali gus memberi ruang kepada bekas penagih dadah dan masyarakat mengenali antara satu sama lain selain berkongsi pendapat," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, bekas penagih dadah, Abd Azy Adee Abdul Wahil, 35, ketika ditemui berkata, dia terlibat dengan najis dadah selama



■ **ABDUL AZHARE**



■ **MOHD AIDIL**

hampir 20 tahun dan nekad berhenti semasa di dalam tanah penjara.

"Alhamdulillah, saya berhasil berhenti menagih dadah dengan sokongan moral daripada keluarga dan masyarakat persekitaran," katanya.

Menurutnya, tujuan dia mengikuti program berkenaan kerana ingin memberi mesej jelas kepada masyarakat serta memberitahu bahwa setiap manusia khususnya penagih dadah boleh berubah.

Katanya, dahulunya dia dibuang keluarga dan diusir keluar daripada rumah tetapi kini diterima semula dan bersepakat mewujudkan program bersama masyarakat.

"Dengan adanya program ini dapat mengubah dan memberi kesedaran kepada

masyarakat berhubung stigma yang diperkatakan bekas penagih dadah," katanya.

Abd Azy berkata, masyarakat lebih cenderung menjauhkan diri daripada bekas penagih dadah sehingga menyebabkan bekas penagih dadah gagal untuk kembali ke pangkal jalan.

"Saya berharap rakyat dapat berfikir sejenak apakah peranan kita sebagai masyarakat, sahabat dan ahli keluarga terdekat untuk membantu bekas penagih dadah," katanya.

Menurutnya, masyarakat perlu memberi sokongan dan bukannya menghina bekas penagih dadah kerana stigma masyarakat menyatakan golongan ini tidak boleh berubah.

Ditanya mengenai pen-

dekatan perlu dilaksanakan bagi membantu golongan muda, katanya, apa yang boleh dilakukan ialah dengan berkongsi lebih banyak pengalaman sendiri.

"Pucuk pangkalnya kita kena kenal siapa kawan kita terlebih dahulu kerana kebanyak golongan muda terjebak dengan najis dadah kerana terlalu percaya dengan mereka," ujarnya.

Sementara itu pelajar tahun enam, Sekolah kebangsaan (SK) Sungai Way, Mohd Aidil Kamaluzamani, 12, menyifatkan program diadakan ini banyak memberi pelajaran dan pengajaran berguna kepada dirinya.

Menurutnya, sebelum ini dia mengakui cukup benci dengan bekas penagih dadah kerana berdasarkan cerita diperoleh daripada rakan menyatakan mereka tidak akan berubah.

"Dengan adanya program ini dapat memberitahu saya bahawa persepsi menyatakan bekas penagih dadah tidak berubah adalah tidak benar sama sekali.

"Ia sekali gus dapat menangis persepsi negatif masyarakat dan golongan muda sama usia dengan saya terhadap bekas penagih ini," katanya.